



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 39

Khamis

2 November 2017

K A N D U N G A N

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Borang Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia Berat Sebelah,
Ahli Parlimen Atau Ahli Dewan Undangan Negeri Tidak
Dibenarkan Memberi Sokongan Kepada Pemohon Kawasan**
– *YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)* [Halaman 1]
- **Kerosakan Infrastruktur Jalan Raya dan Saliran Air
di Jalan Taman Sri Sentosa, Lembah Pantai**
– *YB. Puan Nurul Izzah Binti Anwar (Lembah Pantai)* [Halaman 4]

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA
Khamis, 02 November 2017**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

Borang Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia Berat Sebelah, Ahli Parlimen Atau Ahli Dewan Undangan Negeri Tidak Dibenarkan Memberi Sokongan Kepada Pemohon Kawasan

2.36 ptg.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini saya ingin membangkitkan satu perkara yang amat mengecewakan iaitu "*Borang Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia Berat Sebelah, Ahli Parlimen Atau Ahli Dewan Undangan Negeri Tidak Dibenarkan Memberi Sokongan Kepada Pemohon*" di kawasan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut borang laman sekarang, di kawasan Bandar Kuching langsung tidak ada sesiapa yang boleh memberi sokongan kepada para pemohon di Kuching, kerana dalam borang laman tersebut tiada pilihan untuk dipilih dan ia adalah wajib untuk mendapat sokongan daripada Ahli Parlimen atau ADUN di kawasan masing-masing. Maka para pemohon di Kuching tidak dapat memohon Rumah Mesra Rakyat kerana kesemua kawasan Kuching adalah dimenangi oleh pembangkang.

Selain itu, saya didapati bahawa borang laman SPNB Mesra tidak dikemas kini sejak awal tahun 2016. Selepas Pilihan Raya Negeri Sarawak pada 7 Mei 2016, kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di Sarawak sudah mengalami perubahan, tetapi kawasan baru Dewan Undangan Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri baru masih belum dimasukkan dalam borang laman tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat kecewa, ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak serius terhadap Program Rumah Mesra Rakyat ini dan kawasan pembangkang diskriminasikan oleh kerajaan.

Akhirnya, saya ingin menyentuh tentang kekurangan pejabat SPNB di Sarawak. Di seluruh Sarawak hanya Bandar Kuching mempunyai pejabat SPNB, kawasan lain seperti Sibu, Bintulu dan Miri semuanya tidak ada. Ia adalah membebankan untuk rakyat yang tidak berkemampuan untuk pergi ke Kuching supaya memohon sesuatu atau mendapatkan bantuan dari SPNB. Saya harap kerajaan boleh menubuhkan lebih banyak pejabat di Sarawak. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

2.38 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, SPNB merupakan Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan dalam menyediakan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M). Program ini diwujudkan bagi membantu golongan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani dan keluarga miskin yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang tetapi mempunyai tanah untuk mendirikan rumah sendiri yang sempurna dan selesa.

Kerajaan melalui Kementerian Kewangan hanya menyalurkan subsidi sebanyak RM20,000 seunit untuk pembiayaan pembinaan RMR1M. Manakala, baki pembiayaan pembinaan di antara RM45,000-RM60,000 perlu diperolehi oleh SPNB melalui kaedah pinjaman dari mana-mana bank. Selain itu, kerajaan juga telah bersetuju untuk memberi tambahan dua peratus subsidi kadar keuntungan yang dikenakan kepada setiap pemohon yang layak.

■1430

Berdasarkan statistik permohonan daripada tahun 2002 sehingga 30 September 2017, sebanyak 89,405 permohonan telah diterima dan dinilai di seluruh negara di mana sebanyak 47,294 unit telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, 39,395 unit telah disiapkan, 5,857 unit sedang dalam proses pembinaan dan 2,042 sedang dalam peringkat dokumen perjanjian. Manakala sebanyak 29,576 permohonan telah ditolak dan sebanyak 12,535 permohonan kini masih di dalam senarai proses atau dinilai layak.

Bagi negeri Sarawak, sebanyak 4,348 permohonan telah diterima sejak program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia ini diperkenalkan pada tahun 2002. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,738 permohonan telah diluluskan iaitu 1,002 unit rumah telah siap dibina, 207 unit sedang dalam proses pembinaan dan 529 sedang dalam peringkat

dokumen perjanjian termasuk di Kuching, Stampin, Sarikei, Lanang, Sibu dan Miri. Manakala 1,457 unit lagi permohonan ditolak kerana tidak mematuhi syarat-syarat kelayakan. Terdapat 1,189 pemohon yang masih di dalam senarai proses atau dinilai layak bagi negeri Sarawak pada masa kini.

Selain itu, program RMR1M ini telah mendapat sambutan luar biasa daripada rakyat di seluruh negara. Ini telah menyebabkan jumlah permohonan melebihi peruntukan tahunan yang telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan. Perkara ini secara tidak langsung telah menyebabkan terdapatnya permohonan yang memenuhi syarat-syarat kelayakan tidak dapat dilaksanakan pada tahun tersebut. Ketika ini terdapat 12,535 pemohon yang masih di dalam senarai menunggu di seluruh negara.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, permohonan ini terbuka kepada semua golongan tanpa mengira kaum. Oleh yang demikian, bagi pemohon-pemohon yang berminat, mereka boleh membuat permohonan RMR1M ini secara *online* melalui laman sesawang SPNB atau boleh menghubungi di mana-mana Pejabat SPNB di seluruh negara. Bagi pemohon-pemohon yang menghadapi kesukaran permohonan secara *online*, mereka boleh memohon secara manual dengan menghubungi pihak SPNB untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Program RMR1M ini adalah berdasarkan permohonan yang diterima dari seluruh negara tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti di bawah:

- (i) warganegara Malaysia;
- (ii) pemohon mestilah berumur 18 sehingga 65 tahun;
- (iii) pendapatan kasar seisi rumah di antara RM750 sehingga RM3,000 sebulan;
- (iv) pemohon dan pasangan tidak memiliki rumah sendiri atau memiliki rumah yang usang atau tidak sempurna;
- (v) tanah atau tapak mestilah bersesuaian dan bebas daripada gadaian atau bebanan ke atasnya. Jika pemohon bukan tuan punya tanah, pemohon mestilah mendapat kebenaran daripada tuan punya tanah yang dicadangkan;
- (vi) keluasan tanah tidak kurang daripada 2,800 kps; dan
- (vii) tertakluk kepada peruntukan dan kelulusan pinjaman melalui SPNB.

Setiap pemohon yang diterima dari seluruh negara akan disaring dan dinilai oleh SPNB. Permohonan bagi program ini adalah terbuka sepanjang masa dan pelaksanaannya tertakluk kepada peruntukan subsidi tahunan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan kelulusan pinjaman melalui SPNB.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, SPNB telah pun mengemas kini maklumat bagi pindaan dan penambahan DUN baharu di negeri Sarawak berdasarkan keputusan pilihan raya negeri yang lalu. Pindaan dan penambahan DUN telah diselaraskan seperti yang berikut.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua juga, SPNB mempunyai satu cawangan di setiap negeri. Walau bagaimanapun, penubuhan cawangan SPNB melibatkan kos operasi yang tinggi. Buat masa kini, SPNB tidak merancang untuk menubuhkan cawangan baharu dalam masa terdekat.

Sehubungan dengan itu, pemohon boleh memanfaatkan permohonan secara *online* atau menghubungi talian khidmat pelanggan SPNB yang bersedia untuk membantu pemohon yang menghadapi masalah. SPNB juga akan cuba meningkatkan saluran perkhidmatan dengan rakyat Sarawak dari semasa ke semasa. Sekian, terima kasih.

■1440

Kerosakan Infrastruktur Jalan Raya dan Saliran Air di Jalan Taman Sri Sentosa, Lembah Pantai

2.47 ptg.

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahap jalan raya yang berkualiti akan memberi manfaat kepada pengguna jalan raya dan pejalan kaki dari aspek keselamatan dan keselesaan di kawasan setempat. Namun, keutamaan ini jelas tidak dapat dilihat di Jalan Taman Sri Sentosa yang rosak dan tidak dibaik pulih semenjak sekian lama.

Berdasarkan aduan yang diterima oleh Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Ahli Parlimen Lembah Pantai, terdapat beberapa jalan di Jalan Taman Sri Sentosa mempunyai penanda garisan pembahagi dua hala yang tidak jelas.

Perkara ini mengundang kekeliruan pengguna jalan raya yang keliru akan arah jalan tersebut. Ketiadaan garis pembahagi dua hala ini juga boleh menyebabkan kemalangan berlaku bagi pengguna jalan raya dan pejalan kaki.

Terdapat beberapa saliran air menghalu ke longkang di sepanjang Jalan Taman Sri Sentosa yang tersumbat. Perkara ini juga menyukarkan pengguna jalan raya ketika waktu hujan apabila air hujan akan bertakung di sepanjang jalan raya. Saliran air yang

tidak diselenggarakan dengan baik serta beberapa bahan yang menghalang kelancaran saliran air ke longkang merupakan salah satu punca air bertakung di permukaan jalan raya.

Penduduk tempatan turut melaporkan bahawa longkang-longkang di tepi Jalan Taman Sri Sentosa tidak tertutup dan rosak. Kebanyakan penutup longkang di sepanjang jalan mengalami kerosakan dan perkara ini mendatangkan bahaya kepada pejalan kaki dan penduduk setempat yang menggunakan laluan tersebut, khususnya pada waktu malam.

Keadaan ini juga membimbangkan penduduk setempat kerana longkang-longkang rosak ini berpotensi menjadi sarang pembiakan nyamuk aedes. Pusat Khidmat Masyarakat Ahli Parlimen Lembah Pantai telah beberapa kali melaporkan aduan Tuan Yang di-Pertua, kepada pihak DBKL. Terbaru, pada 20 dan 25 September 2017. Kita buat aduan di atas talian melalui sistem iSPAA DBKL, namun masih tiada sebarang tindakan serius yang diambil bagi membaik pulih keadaan jalan raya, saliran air dan longkang Jalan Taman Sri Sentosa.

Perkara ini tidak boleh ditangguhkan lagi. Pihak DBKL perlu mengutamakan tanggungjawab ke atas keselamatan pengguna jalan raya. Pihak DBKL perlu menjelaskan kelewatan ini dan apakah perkembangan kerja-kerja membaiki infrastruktur di Jalan Taman Sri Sentosa.

Pihak kerajaan perlu menyatakan berapakah kos dalam membetulkan infrastruktur dan kerosakan di sepanjang Jalan Taman Sri Sentosa memandangkan Belanjawan DBKL 2017 memperuntukkan hampir RM 637.8 juta bagi program jalan raya dan saliran.

Selain itu, pihak kerajaan perlu menjelaskan senarai kerja-kerja menaik taraf setiap jalan raya dan saliran air di Parlimen Lembah Pantai yang diperuntukkan sebanyak RM32 juta dalam Belanjawan DBKL 2017. Sekian, terima kasih.

2.49 ptg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Lembah Pantai, objektif utama dalam menyediakan infrastruktur jalan raya adalah untuk memastikan tahap kemudahsampaian yang tinggi dengan jaringan jalan raya yang teratur, selamat, selesa dan dapat menguruskan masa perjalanan serta kos perjalanan yang paling optimum.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperuntukkan satu jumlah yang besar bagi memastikan rangkaian jalan raya di Kuala Lumpur sentiasa berada pada tahap yang baik. Infrastruktur jalan raya yang baik akan meningkatkan kemudahan kepada penduduk Kuala Lumpur di samping menjadi pemangkin kepada pembangunan, kemajuan dan kesejahteraan hidup.

■1450

Terdapat 6,609 batang jalan dengan jumlah panjang 2,012 kilometer di Kuala Lumpur. Justeru itu, tidak dinafikan masih terdapat sedikit sebanyak kekurangan seperti kerosakan pada sebahagian jalan di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, program penyelenggaraan sentiasa ditingkatkan untuk memastikan kerosakan jalan di tahap minimum.

Bagi tujuan penyelenggaraan, menaik taraf dan membina baru sistem jalan raya dan saliran pada tahun 2017, dibahagikan kepada dua bahagian iaitu peruntukan pengurusan sebanyak RM123,250,000 dan peruntukan pembangunan sebanyak RM533,650,000. Bagi kawasan Parlimen Lembah Pantai, pihak DBKL telah memperuntukkan sebanyak RM5 juta untuk mempertingkatkan sistem perparitan dan saliran.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Lembah Pantai juga, DBKL telah menerima aduan daripada Pusat Khidmat Masyarakat Lembah Pantai pada Khamis, 21 September 2017 dan telah mengemukakan maklum balas pada Isnin, 25 September 2017 bahawa kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya, saliran air dan longkang di Jalan Taman Seri Sentosa tersebut akan dijalankan pada bulan Oktober dan November 2017. Kemajuan terkini di tapak adalah sebanyak 50 peratus siap.

Bagi kawasan Taman Sri Sentosa juga, kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan yang dilaksanakan ialah sejumlah 11,742.52 meter persegi dengan kos RM455,000 dan sekitar 20,000 meter persegi lagi akan dilaksanakan dalam masa terdekat dengan anggaran kos RM1 juta. Selain daripada kerja-kerja penyelenggaraan jalan, kerja-kerja penyelenggaraan longkang dan siar kaki juga akan dilaksanakan tidak lama lagi dengan anggaran kos RM400,000. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Isnin, 6 November 2017.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.52 petang]